

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KURSUS ASAS PENGUATKUASA PERSIAPAN AWAL PEGAWAI PENGUAT KUASA KPDNHEP SEBELUM MENJALANKAN TUGAS LAPANGAN

MASJID TANAH, 28 Julai 2020 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melaksanakan Kursus Asas Sains Penguatkuasa kepada pegawai kadet penguatkuasa KPDNHEP Gred Lantikan KP41 di Tanjung Bidara Beach Resort Melaka, di sini.

Kursus yang berlangsung selama 28 hari ini, bermula dari 1 Julai hingga 28 Julai 2020 disertai oleh 37 orang peserta yang 20 daripadanya merupakan pegawai Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) dan 17 orang pegawai lantikan baharu.

Kursus Asas Penguatkuasa merupakan kursus yang diwajibkan kepada pegawai dan anggota penguatkuasa Gred KP41, KP29 dan KP19 lantikan baru dengan objektif seperti berikut:

- i. Memberi pengetahuan asas kepada pegawai mengenai konsep 5P (perisikan, pemeriksaan, penyiasatan, pendakwaan dan pengurusan ekshibit) dan pengenalan kepada undang-undang dan SOP yg dikuatkuasakan oleh Bahagian Penguatkuasa;
- ii. Penerapan budaya disiplin, nilai-nilai murni, integriti serta memberi pendedahan kepada para peserta dengan suasana dan keadaan bekerja sebagai anggota penguatkuasa yang beruniform;
- iii. Melengkapkan para peserta dengan teknik tangkapan yang betul, pengendalian senjata api mengikut prosedur serta tatacara pengendalian kes di Mahkamah;
- iv. Membentuk semangat bekerjasama dalam kumpulan serta mematuhi setiap arahan dalam pelaksanaan sesuatu tugas melalui latihan asas kawad kaki; dan
- v. Pembentukan kepentingan kerja berpasukan berlandaskan kesefahaman, toleransi, dan pengorbanan.

-lagi-

Bahagian Penguat Kuasa amat menekankan fungsi dan peranan pegawai penguat kuasa Gred KP41 yang akan bertanggungjawab sebagai pegawai penyelia dalam memberi arahan ke atas tugas-tugas penguatkuasaan sama ada di Ibu Pejabat mahu pun di KPDNHEP Negeri. KPDNHEP percaya kursus ini mampu melahirkan pegawai yang:

- i. Menghayati objektif, visi, misi dan fungsi Kementerian dan Bahagian Penguat Kuasa;
- ii. Memahami konsep 5P dan mengetahui peruntukkan undang-undang yang akan dikuatkuasakan oleh Bahagian Penguat Kuasa;
- iii. Menerapkan disiplin, nilai-nilai murni dan integriti sebagai anggota penguatkuasa yang beruniform; dan
- iv. Mempamerkan kemahiran-kemahiran teknik tangkapan yang betul dan pengendalian senjata api mengikut prosedur serta tatacara pengendalian kes di Mahkamah.

Semua modul dan latihan kursus asas pada kali ini dikendalikan sepenuhnya oleh pegawai dan anggota penguatkuasa KPDNHEP, berbeza dengan tahun-tahun sebelum ini yang mana modul latihan kawad dan fizikal dikendalikan oleh PDRM.

###

DATO' HAJI ISKANDAR HALIM BIN SULAIMAN

Pengarah Bahagian Penguatkuasa

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna